

## **Simbolisme Ngayau dalam Motif Seni Tenunan Iban**

Oleh  
Anna Durin,  
Zarina Mohd Shah,  
Bernice Helena  
Mohd. Ghazali Abdullah  
Hashim Awang AR

### **Abstrak:**

*Ngayau* dalam budaya masyarakat Iban tradisi adalah satu aktiviti yang harus dilakukan oleh lelaki yang telah dewasa. Masyarakat Iban sangat menyanjung lelaki yang berani dan telah mendapat kepala musuh. Mereka yang telah disahkan mendapatkan kepala musuh layak memegang status Bujang Berani. Bujang Berani layak memiliki nama gelaran atau *ensumbar*. *Ngayau* dilakukan oleh masyarakat Iban tradisi kerana pengaruh amalan animisme mereka. Mereka percaya bahawa tengkorak musuh, apabila dipuja maka rohnya akan membantu memudahkan kehidupan mereka. Seterusnya budaya *ngayau* ini telah mempengaruhi seni tenunan kain *pua kumbu* kerana wanita-wanita yang pakar dalam ilmu tenunan dan bergelar *Indu Takar* menamakan motif-motif kompleks yang mereka cipta dengan nama dewa, nama ritual, nama mahluk ghaib dan lain-lain yang berkaitan dengan *ngayau*. Oleh yang demikian motif-motif itu adalah simbol *ngayau* masyarakat Iban. Setelah dikaji memang terdapat beberapa motif tenunan kain *pua kumbu* yang dicipta melalui pengaruh *ngayau*. Oleh yang demikian, motif-motif itu menjadi simbol kepada budaya *ngayau* berkenaan.

**Kata Kunci :** motif, tradisi, Iban, tenunan, dan ritual.

### **1. Pengenalan**

Masyarakat Iban yang tinggal di Sarawak adalah masyarakat bumiputera yang paling ramai iaitu kira-kira 30% daripada jumlah penduduk negeri Sarawak. Kebanyakan mereka tinggal di Bahagian Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit dan Kanowit. Masyarakat Iban juga adalah sebahagian daripada masyarakat bumiputera Sarawak yang terkenal dengan rumah panjang mereka. Pada zaman dahulu, rumah panjang masyarakat Iban biasanya dibina di tebing sungai kerana sungai merupakan perhubungan dan pengangkutan utama di kawasan pedalaman terutamanya di negeri